

Waspada guna peranti elektronik bawa maut

SITUASI apabila anggota badan terutamanya tangan berasa seperti dicucuk dan adakalanya kebas ketika menyentuh arus elektrik pada perkakasan elektrik yang rosak mungkin pernah anda lalui.

Penulis sendiri pernah beberapa kali berdepan keadaan tersebut namun mujur tiada kemalangan serius berlaku setakat ini.

Pembaca pula bagaimana, pernahkah melalui situasi sama? Jika ya, maka kita semua harus mula beringat dan lebih berhati-hati sebelum berlaku kemalangan serius sama ada melibatkan kecederaan atau kehilangan nyawa.

Arus elektrik serendah 0.2 Ampere (A) boleh menjejaskan denyutan jantung sehingga membawa maut jika ia melalui organ penting itu.

Sebelum ini, kita mungkin tidak menyangka bahawa penggunaan telefon bimbit boleh menyebabkan kecederaan atau kematian.

Bagaimanapun anggapan tersebut silap kerana beberapa kejadian maut ketika menggunakan peranti tersebut pernah dilaporkan dan perlu dijadikan pengajaran.

Pada Jumaat minggu lalu, seorang remaja, Syamirul Armizie Adenan, 19, ditemui meninggal dunia sambil mengenakan fon telinga yang disambungkan pada telefon dalam keadaan bercas dengan pengecas mudah alih atau *power bank* di rumahnya di Taman Merbok, Bukit Baru, Melaka.

Pemeriksaan lanjut mendapati terdapat kesan melecet pada bahu kiri mangsa.

Mangsa dipercayai meninggal dunia akibat terkena renjatan elektrik akibat berlakunya litar pintas daripada peranti berkenaan yang mungkin mengalami kerosakan.

Beberapa kes lain pernah dilaporkan melibatkan kemalangan ketika menggunakan telefon bimbit termasuk kematian Fatin Nabila Syakira Mohd. Khamis, 17, dalam kejadian di Kampung Padang Bola, Kubu Gajah, Melaka pada 2015 dan Bartholomew Robert, 14, seorang pelajar di Kampung Murud, Serian, Sarawak pada tahun 2014.

Pensyarah Kanan Jabatan Elektrik Kuasa, Fakulti Kejuruteraan Elektrik Universiti Teknologi Malaysia, Dr. Jasrul Jamani Jamian memberitahu, *power bank* bervoltan rendah juga boleh menyebab-



kan insiden serius sekiranya berlaku litar pintas.

“Ramai yang salah anggap apabila mendakwa *power bank* bervoltan rendah, kebiasaannya pada paras 12 voltan tidak mungkin membunuh. Hakikatnya

Arus *power bank* juga boleh meningkat berlipat kali ganda sekiranya berlaku litar pintas sehingga menyebabkan kecederaan kepada mangsa.

voltan tidak menyebabkan kematian sebaliknya arus elektrik yang mengalir pada jantung boleh menjadi punca maut,” katanya.

Jelasnya, arus elektrik pada *power bank* juga boleh meningkat berlipat kali ganda sekiranya berlaku litar pintas sehingga menyebabkan kecederaan kepada mangsa.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Mohd. Nizar Hamidon ketika dihubungi memberitahu, peralatan elektrik perlu digunakan dengan baik bagi mengelak kerosakan.

“Telefon bimbit ataupun *power bank* tidak boleh dicas terlalu lama. Biarpun peralatan elektrik dilengkapi dengan sistem untuk menghalang arus elektrik terus mengalir sekiranya dicas dalam tempoh lama tetapi lama kelamaan fungsi berkenaan boleh rosak jika tempoh mengecas terlalu lama dilakukan berulang kali,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Menurutnya, dalam keadaan biasa, penggunaan barangan ele-

ktrik adalah selamat melainkan sekiranya terdapat kerosakan. Namun dalam kebanyakan kes, ia tidak menyebabkan kecederaan walaupun berlakunya kebocoran arus elektrik pada peralatan yang digunakan terutamanya yang bervoltan rendah.

“Badan kita mempunyai tindakan refleks untuk mengelak arus elektrik terus mengalir di dalam badan. Selain itu dalam sesetengah kes, arus berkenaan tidak melalui organ penting terutamanya jantung menyebabkan mangsa tidak mendapat kecederaan.

“Namun, dalam sesetengah kes, arus tersebut mengalir melalui jantung sehingga mengganggu fungsi organ tersebut. Dalam kes ini, ia boleh menyebabkan kecederaan serius sehingga membawa maut,” katanya.

Beliau bagaimanapun memberitahu, keadaan berbeza dalam kemalangan melibatkan arus bervoltan tinggi kerana mangsa kebanyakannya tidak mampu menyelamatkan diri.

Dalam pada itu, Pengarah Kawal Selia Keselamatan Elektrik, Suruhanjaya Tenaga (ST), Mohd. Elmi Anas memberitahu, letupan dan renjatan elektrik serta kebakaran yang berpunca daripada tenaga itu mampu dicegah sekiranya pengguna sentiasa berwaspada dan mengamalkan langkah-langkah keselamatan.

“Antara punca kemalangan elektrik ialah penebat rosak, pendawaian tersalah pasang, bebanan, peranti perlindungan tidak berfungsi dengan baik, menyentuh suis dengan tangan basah dan kebocoran arus atau voltan pada kelengkapan elektrik yang rosak,” katanya dipetik melalui laporan *Kosmo!* baru-baru ini.